

BAB TIGA

PELAKSANAAN SAHAM WAKAF

DI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

3.0 Pengenalan

Bab ketiga ini akan menerangkan berkaitan pelaksanaan saham wakaf di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Saham wakaf yang dilaksanakan di MAIS dikenali sebagai Saham Wakaf Selangor (SWS). Sebagai melaksanakan segala operasian SWS ini, MAIS telah menentukan kepada Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) untuk menjalankan dan menggerakkannya. Untuk itu, melalui bab ini, ia akan menjelaskan urusan-urusan berkaitan pengurusan SWS oleh MAIS melalui PWS seperti struktur organisasi pengurusan, pencapaian terkini kutipan SWS, prosedur menyertai SWS, perancangan strategik bagi meningkatkan SWS. Akhirnya, bab ini akan menerangkan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh MAIS dalam membangunkan hasil kutipan SWS. Dengan penerangan perkara-perkara berkaitan di atas, bab ini telah memenuhi pada objektif kedua kajian ini iaitu untuk mengkaji pendekatan pelaksanaan saham wakaf yang dilakukan di MAIS.

3.1 MAIS Dan Pengurusan Saham Wakaf Di Negeri Selangor

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) merupakan sebuah organisasi yang melaksanakan pentadbiran dan pengurusan berkonsepkan pengurusan Islam. Ini dibuktikan melalui enakmen yang diwujudkan yang mana menjelaskan pentadbiran yang dijalankan berteraskan Islam yang dikenali sebagai Enakmen Pentadbiran

Agama Islam (Negeri Selangor) 2003¹. Melalui kuasa-kuasa yang termaktub di dalam enakmen tersebut, MAIS telah berusaha memastikan setiap yang diperuntukkan di dalamnya dipatuhi dan dilaksanakan bersesuaian dengan keperluan dan kebijakan umat Islam di Negeri Selangor. Melalui bidang kuasa yang diperuntukkan ini jugalah, MAIS dilihat sebagai organisasi Islam yang mampu untuk terus meningkatkan ekonomi dan kebijakan ummah di Negeri Selangor ini.

3.1.1 Sejarah Penubuhan MAIS

Pada tahun 1952 Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah ditubuhkan dan dikenali sebagai satu badan yang tetap dinamakan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor². Penubuhannya adalah seperti termaktub di bawah Seksyen 5, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1952 (Enakmen No.3 Tahun 1952) dan subseksyen 4(1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 sebagaimana berikut :

“Hendaklah diadakan satu Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor dan disebut dalam bahasa Inggeris ‘*Council of Religion and Malay Customs Selangor*’.”

MAIS yang telah ditubuhkan adalah merupakan satu entiti perbadanan (*a body corporate*) yang kekal turun-temurun dan pihak berkuasa utama dalam Negeri

¹ Enakmen ini telah dikuatkuasakan pada tarikh yang telah diperkenankan oleh Duli Yang maha Mulia Sultan Selangor pada 8 Julai 2003. Enakmen ini diperuntukkan pada perkara-perkara berhubung pentadbiran Agama Islam, penubuhan dan bidang kuasa Mahkamah Syariah, penubuhan dan fungsi Majlis Agama Islam Selangor dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya. Terdapat 11 Bahagian dan 124 perkara yang digariskan di dalam enakmen ini. Enakmen ini juga adalah berkait dengan enakmen yang telah dibuat pindaan sebelum ini iaitu Enakmen Perundangan Pentadbiran Islam Negeri Selangor, 1989 (Enakmen No.2, 1989) dan Bahagian IV dan X Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, 1952 (Enakmen No.3 tahun 1952). Dirujuk pada Kerajaan Negeri Selangor, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor), (Selangor : Majlis Agama Islam Selangor, 2003), 1-8.

² Majlis Agama Islam Selangor, *Kemajuan Pentadbiran Islam Di Negeri Selangor*, (Selangor : MAIS, 2005), 21.

Selangor selepas DYMM Sultan³ yang membantu dan menasihati DYMM Sultan dalam semua perkara yang berhubung dengan agama Islam kecuali Hukum Syarak dan pentadbiran keadilan sebagaimana Seksyen 54 dan Seksyen 6 Enakmen Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang menyatakan sebagaimana berikut :

“Majlis hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun temurun dan mempunyai sesuatu meterai perbadanan, dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah, dibuat baharu sebagaimana difikirkan patut oleh Majlis, dan, sehingga sesuatu meterai diadakan di bawah seksyen ini, meterai Majlis terdahulu bolehlah digunakan sebagai meterai perbadanan bagi Majlis.”⁴

Manakala Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 ada menyatakan sebagaimana berikut :

“Majlis hendaklah membantu dan menasihati DYMM Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubung dengan agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubung dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas DYMM Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.”⁵

MAIS mempunyai kewajipan untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di Negeri Selangor selaras dengan hukum syarak seperti mana yang terkandung dalam subseksyen 7(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.⁶ MAIS berfungsi sebagai *wasi* kepada sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka seseorang si mati atau sebagai pemegang amanah terhadap

³ Majlis Agama Islam Selangor, *Laporan Tahunan 2009*, (Selangor : Majlis Agama Islam Selangor, 2009), 4.

⁴ *Ibid.*

⁵ Kerajaan Negeri Selangor, Enakmen Pentadbiran Agama Islam, 13.

⁶ Majlis Agama Islam Selangor, *Laporan Tahunan 2009*, 5.

mana-mana amanah. Selain itu juga, MAIS bertindak sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf, nazar dan amanah di Selangor. Perkara yang dinyatakan ini telah disebut dalam subseksyen 5(4) dan Seksyen 89 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Kesimpulannya, MAIS semenjak penubuhannya hingga kini telah menjalankan segala tanggungjawab dan fungsinya seperti apa yang telah termaktub di dalam enakmen yang berkuat kuasa berkaitan dengannya. Sebagai badan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal kebajikan umat Islam di Negeri Selangor salah satu peranan yang dimainkan dari dahulu hingga kini adalah berkaitan pengurusan wakaf umat Islam termasuklah saham wakaf yang telah dilaksanakan di Negeri Selangor ini semenjak ia diperkenalkan. Dengan menggunakan undang-undang dan peraturan yang telah diwujudkan, segala perkara berkaitan khususnya dengan pelaksanaan saham wakaf, MAIS bukan sahaja menggerakkan setiap perancangan yang berkaitan dengannya, bahkan mampu untuk menguruskan berkaitan saham wakaf tersebut terutama yang bermatlamat apa yang diharapkan oleh pewakaf itu sendiri dan sebagai organisasi yang telah diamanahkan dalam apa-apa berkaitan ekonomi dan kebajikan umat Islam di Negeri Selangor umumnya. Cuma yang lebih jelas lagi, apa yang dilakukan oleh MAIS berkaitan perkara ini, MAIS sentiasa memperkemaskan pengurusan yang dijalankan pada tanggungjawab yang diberikan termasuklah berkaitan pengurusan wakaf dan lebih khusus lagi saham wakaf yang menjadi tajuk perbincangan dalam kajian ini.

3.1.2 Visi, Misi, Objektif Dan Etika Kerja MAIS

Sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab serta pemegang amanah tunggal kepada harta-harta umat Islam, MAIS mempunyai visi dan misi dalam

menjalankan peranan tersebut. Visi MAIS ialah “ Membangunkan Ummah Ke Arah Mendapatkan Keredaan Allah”. Manakala misi MAIS pula ialah “Pembangunan Ummah Melalui Pembentukan Masyarakat Berilmu, Beramal, Beriman dan Berakh�ak, Ekonomi Yang Perkasa, Usaha-Usaha Dakwah Yang Berkesan, Pengurusan Harta Yang Cekap dan Institusi Agama Yang Proaktif”. Objektif MAIS pula ialah "Berusaha meningkatkan kemajuan ekonomi dan kesejahteraan sosial umat Islam Negeri Selangor melalui kaedah penyelidikan, pengurusan dan pembangunan yang sistematis dan lengkap berlandaskan hukum syarak dengan menggunakan sumber MAIS secara optimum". Manakala Etika Kerja MAIS ialah “Amanah, Prihatin dan Mesra”.⁷

Berdasarkan visi, misi objektif dan etika kerja yang digariskan serta yang didukung oleh MAIS ini, ia menepati tujuan dan matlamat MAIS itu diwujudkan. Perkara yang menjadi fokus utama MAIS adalah bagi memelihara kebijakan dan meningkatkan ekonomi umat Islam di Negeri Selangor ini selain menjadi entiti yang memelihara hak dan kesejahteraan umat Islam khususnya di Negeri Selangor.

3.1.3 MAIS Dan Pengurusan Saham Wakaf

Di MAIS, terdapat dua bahagian yang pernah dan terlibat secara khusus berkaitan saham wakaf iaitu Bahagian Mal (bahagian ini telah dimansuhkan setelah Carta Organisasi MAIS dipinda dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Manusia MAIS pada 30 Januari 2012) dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). Di awal kewujudan saham wakaf di MAIS iaitu pelancaran pada tahun 2002 , segala urusan yang berkaitan saham wakaf telah diuruskan oleh Bahagian Mal melalui Unit Wakaf. Sehingga pada 11 Januari 2011, PWS telah diwujudkan,

⁷ Majlis Agama Islam Selangor, dicapai 26 Disember 2012, www.mais.net.my.


seterusnya tanggungjawab berkaitan telah diberikan kepada anak syarikat MAIS tersebut untuk mengurus hal ehwal urusan berkaitan saham wakaf di MAIS. Walaupun peranan dan tanggungjawabnya berkaitan urusan saham wakaf itu hampir sama, tetapi dengan pengambilalihan oleh PWS ini, urusan berkaitan akan lebih berkembang apabila perbadanan yang diwujudkan berimejkan korporat dan aktiviti berkaitan akan diperluaskan bersesuaian sebagai sebuah anak syarikat.⁸

Sebagai salah satu agensi di bawah MAIS yang berstatus anak syarikat, PWS terdiri seramai enam orang Ahli Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab sebagai penggubal dasar-dasar pengurusannya. Kemudian dari sudut operasinya, ia diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dibantu seorang Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan empat orang Ketua Bahagian. Bahagian-bahagian di PWS itu terdiri dari Bahagian Pengurusan, Bahagian Kewangan, Bahagian Dakwah dan Pemasaran dan Bahagian Penyelidikan dan Pelaburan. Antara empat bahagian tersebut, bahagian yang bertanggungjawab khusus kepada pelaksanaan SWS ini adalah Bahagian Dakwah dan Pemasaran. Manakala bahagian-bahagian yang lain bertindak sebagai menyokong kepada pengurusan saham wakaf di PWS. Lihat carta organisasi PWS pada rajah 3.2. Sumber manusia yang ada adalah di bawah bahagian ini terdiri daripada 20 orang kakitangan iaitu seorang pengurus, dua orang eksekutif pemasaran, 4 orang penolong eksekutif pemasaran dan 13 orang pembantu eksekutif pemasaran. Secara amnya kesemua sumber manusia yang diletakkan di bawah Bahagian Pemasaran dan Dakwah PWS ini bertanggungjawab dalam mengurus hal ehwal SWS.⁹

⁸ Berdasarkan temubual Mohd. Azmi bin Misron (Eksekutif Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan, Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS), dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 10 Januari 2012.

⁹ *Ibid.*

Rajah 3.2 – Carta Organisasi Perbadanan Wakaf Selangor (PWS)



Sumber : Laman web PWS, www.wakafselangor.gov.my , dicapai 3 Oktober 2012

Seterusnya, fungsi yang dijalankan oleh Bahagian Mal melalui Unit Wakaf sebelum ini tiada bezanya dengan fungsi PWS berhubung urusan berkaitan termasuklah saham wakaf di Negeri Selangor. Malah melalui pewujudan perbadanan ini terus diperkemas serta diperkuuhkan bersesuaian dengan imejnya sebagai anak syarikat berorientasikan korporat. Antara fungsi PWS ialah¹⁰ :

- a) Sebagai pemberi Nasihat kepada MAIS berkenaan dengan dasar, cara dan langkah yang perlu dilaksanakan dan diambil untuk menggalakkan pembangunan harta dan produk wakaf.
- b) Melaksana dan memberi kesan kepada apa-apa dasar, arahan atau perintah MAIS berkenaan dengan pembangunan harta dan produk wakaf.

¹⁰ MAIS News, “Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) Mengutip Wakaf Tunai dan Membangunkan Hartanah Wakaf Selangor”, keluaran Jun 2011.

- c) Membangun, menerima pakai dan melaksanakan dasar, cara dan langkah mengenai pembangunan harta dan produk wakaf.
- d) Bertindak sebagai agensi penyelaras dalam pelaksanaan kemajuan pembangunan harta dan produk wakaf secara pesat.
- e) Merancang, membangun, melaksana dan menggalakkan pembangunan dan pelaksanaan harta dan produk wakaf.
- f) Mengurus dan menjalankan pengendalian dan penyelenggaraan harta wakaf termasuk kemudahan infrastruktur, tempat dan alat di kawasan harta wakaf tersebut.
- g) Menggalakkan, menyelaraskan dan melaksanakan kajian di dalam semua aspek.

Manakala bagi memantau dan menasihati aktiviti wakaf termasuk saham wakaf di MAIS, Jawatankuasa Pengurusan Wakaf MAIS telah dilantik berdasarkan apa yang termaktub di dalam Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999 (Bahagian 7, Seksyen 21). Untuk tujuan itu juga, jawatankuasa ini akan bermesyuarat sebanyak 4 kali setahun bagi memantau, menyelia kutipan, agihan, aset-aset wakaf dan perakaunan wakaf.

3.2 Perkembangan dan Pencapaian SWS Hingga Kini

SWS telah dibahagikan kepada dua jenis iaitu SWS Am dan SWS Khas. Kutipan saham wakaf dibuat dengan maksud dan tujuannya sebagaimana termaktub dalam seksyen 17 Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999.¹¹

¹¹ Subseksyen 17(1)(2), enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 menyatakan, “(1) Majlis boleh menawarkan saham wakaf terhadap apa-apa harta yang diperolehinya atau yang akan diperolehinya kepada mana-mana orang untuk saham-saham itu dibeli dan kemudiannya diwakafkan kepada MAIS.”

SWS Am adalah satu bentuk saham wakaf yang dikumpul dan terkumpul atas tujuan yang umum dan tidak ditentukan secara khusus tujuan penggunaannya. Dengan erti kata lain, kutipan SWS Am boleh digunakan bagi memperolehi harta kekal atau digunakan kepada perkara yang umum dengan syarat memenuhi maksud wujudnya amalan wakaf dan memenuhi tujuan pewakaf menyertai SWS. Melalui SWS Am ini, pewakaf akan mewakafkan wangnya seterusnya menyerahkan tanggungjawab menguruskan wakaf tunai mereka kepada PWS dalam mengurus serta menyempurnakan maksud wakaf yang dilakukan oleh mereka. Pada kebiasaananya SWS Am akan digunakan untuk membina masjid, membina sekolah dan binaan kekal lain tanpa dikhurasukan kutipan saham wakaf tersebut untuk binaan tertentu.

Manakala SWS Khas adalah satu bentuk saham wakaf yang dikumpul dan terkumpul atas tujuan yang ditentukan secara khusus tujuan penggunaannya. Dengan erti kata lain, kutipan SWS Khas digunakan bagi memperolehi harta kekal atau digunakan kepada perkara yang khusus serta telah ditentukan dengan memenuhi maksud wujudnya amalan wakaf dan memenuhi tujuan pewakaf menyertai SWS. Melalui SWS Khas ini, pewakaf akan mewakafkan wangnya kepada PWS atau pihak luar yang telah dilantik bagi tujuan membina atau memperolehi sesuatu harta kekal yang telah ditentukan atas. Pada kebiasaananya juga, SWS Khas adalah untuk membina sekolah, membina masjid dan membina binaan kekal lain yang telah ditentukan jenis dan di mana tempatnya.

Hasil kutipan SWS yang telah dilakukan dari tahun 2002 hingga 2011 adalah seperti pada Jadual 3.3.

Jadual 3.1 – Jumlah kutipan SWS dari tahun 2002 hingga 2011¹²

| Tahun | Saham Wakaf Selangor Am | Saham Wakaf Selangor Khas |
|--------------|--------------------------------|----------------------------------|
| 2002 | RM 558,849.00 | - |
| 2003 | RM 4,406,726.00 | - |
| 2004 | RM 4,580,426.00 | - |
| 2005 | RM 2,356,348.00 | - |
| 2006 | RM 1,246,189.00 | - |
| 2007 | RM 1,038,042.00 | - |
| 2008 | RM 975,604.00 | RM 3,132,636.00 |
| 2009 | RM 1,531,349.00 | RM 9,104,893.00 |
| 2010 | RM 944,940.00 | RM 11,284,042.00 |
| 2011 | RM 2,007,775.00 | RM 33,395,954.00 |

Jika dilihat dari kutipan SWS dari tahun 2002 hingga 2011 seperti jadual di atas, bagi kutipan SWS Am, ia mula dikutip bermula dari tahun pelancaran SWS iaitu pada tahun 2002.¹³ Hasil kutipan juga sekira dilihat kadang kalanya menurun dan kadang kalanya menaik ini adalah disebabkan beberapa faktor, antaranya ialah kerana masyarakat Islam di negeri ini masih kurang mendapat pendedahan berkaitan wakaf yang berkonsepkan saham ini. Walau bagaimanapun pihak yang bertanggungjawab di MAIS terus berusaha memberi pendedahan dan maklumat berkaitan bagi menarik minat dan memberi kefahaman matlamat berkaitan saham

¹² Abdul Halem Hapiz bin Salihin, “Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor”, 44. Lihat juga Laporan Kewangan MAIS, dicapai 19 Jun 2012, <http://www.mais.gov.my>.

¹³ Berdasarkan temubual Abdul Halem Hapiz bin Salihin (Mantan Timbalan Setiausaha MAIS) dalam temubual dijalankan di Ibu Pejabat MAIS, di Tingkat 10, Bangunan Sultan Idris Shah, Seksyen 5, Bukit SUK, Shah Alam pada pukul 11.30 pagi, bertarikh 6 Jun 2012.

wakaf ini yang mana juga merupakan satu konsep yang telah dibenarkan oleh ulama' dalam mengamalkan saham wakaf ini¹⁴.

Manakala SWS Khas, walaupun ia dibenarkan dalam Enakmen Wakaf Selangor 1999, tetapi ia mula dilaksanakan bermula pada tahun 2008. Ini kerana, pihak MAIS yang menguruskan ketika itu menghadapi masalah kekurangan sumber manusia bagi menguruskan urusan-urusan berkaitan. Oleh itu, apabila penyelarasan tugas dengan sumber manusia yang ada dilakukan, pihak pengurusan telah membuka ruang untuk pelaksanaan SWS Khas tersebut. Selain itu, jika dilihat jumlah kutipan yang semakin meningkat adalah kerana, masyarakat berpandangan bahawa melalui SWS Khas ini, tujuan dan matlamat masyarakat melaksanakan wakaf ini bagi mereka lebih jelas kerana setiap jumlah wang yang diwakafkan telah diberi tahu ke mana akan dilaburkan¹⁵.

Jumlah kutipan yang dapat dikumpulkan dan peningkatan kutipan ini menampakkan bahawa masyarakat Islam khususnya di Negeri Selangor ini telah mula untuk menerima wakaf yang berkonseptan saham ini. Cuma apa yang sentiasa dilakukan oleh pihak pengurusan di MAIS khususnya pengurusan PWS yang sekarang ini dipertanggungjawabkan dengan kutipan SWS, perlu dipertingkatkan dan sentiasa diberi sokongan untuk terus meningkatkan kutipan.

3.3 Pelaksanaan SWS

Instrumen saham wakaf di MAIS dilihat adalah dilihat sebagai satu bentuk kebijakan, di mana ia dilakukan untuk tujuan mendapatkan pahala semata-mata serta

¹⁴ Berdasarkan temubual Mohd. Azmi bin Misron (Eksekutif Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 10 Januari 2012.

¹⁵ *Ibid.*

ia sering disinonimkan dengan wakaf berbentuk harta tak alih seperti wakaf tanah. Penerbitan saham wakaf ini juga telah menepati dengan keputusan yang telah dibuat oleh Akademi Fiqh Islam Sedunia menerusi hasil persidangan kelima belas yang diadakan di Muscat (Oman) pada 14 hingga 19 Muharram 1425H, bersamaan dengan 6 hingga 11 Mac 2004.¹⁶ Begitu juga dengan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke 77 yang bersidang pada 10 hingga 12 April 2007 di Kuala Terengganu telah bersepakat memutuskan berwakaf dalam bentuk wang tunai dibolehkan dalam Islam.¹⁷

Amalan saham wakaf di MAIS adalah dengan cara berwakaf menggunakan wang ringgit (tunai) dengan membeli unit-unit saham yang ditawarkan oleh MAIS dengan nilai minimum Ringgit Malaysia 10 seunit. Pembeli saham akan mewakafkan unit-unit saham tersebut kepada MAIS buat selama-lamanya sebagai pemegang amanah. Penyertaan adalah terbuka kepada umat Islam dan syarikat-syarikat perniagaan yang dimiliki oleh orang Islam tanpa had maksimum.¹⁸

Dengan adanya SWS, menjadikan amalan berwakaf lebih mudah dan rasional untuk diperaktikkan dalam masyarakat yang rata-ratanya kurang memiliki aset harta yang berbentuk tetap. Skim ini menjurus kepada konsep *amal jama'iy* iaitu melalui sumbangan wang tunai yang akan dikumpul dan kemudiannya ditukarkan kepada harta kekal. Selain itu, fizikal mudah alihnya telah mempelbagaikan fungsi, boleh digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan dan boleh dikembangkan kepada instrumen-instrumen pelaburan yang diharuskan oleh Syarak. Seterusnya

¹⁶ International Fiqh Islami Academy, dicapai 2 Julai 2012, <http://fiqhacademy.org.sa/qrarat/15-6.htm>, No.Qorar 140 (15/6).

¹⁷ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan*, Siri 3, Cet. pertama, (Putrajaya: JAKIM, 2009), 30. Lihat juga <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-berkaitan-pembangunan-tanah-walaf-di-bawah-rancangan-malaysia-ke-sembilan-rmk>.

¹⁸ Perbadanan Wakaf Selangor MAIS, *Saham Wakaf Selangor, Konsep dan Perlaksanaan*, (Shah Alam: Perbadanan Wakaf Selangor, t.t), 8.

hasil-hasil pelaburannya boleh digunakan untuk kepentingan umum dan harta kekal melaluinya boleh dimanfaatkan untuk kebajikan dan kepentingan masyarakat secara kekal.

SWS telah dilancarkan pada tahun 2002 yang lalu. Ketika itu saham wakaf ini telah diuruskan oleh Bahagian Mal melalui Unit Wakaf MAIS. Seterusnya, apabila peranan pengurusan berkaitan Saham Wakaf Selangor diserahkan kepada Perbadanan Wakaf Selangor pada 11 Januari 2011 iaitu pada tarikh sama pewujudan perbadanan tersebut.

3.3.1 Objektif SWS

Terdapat beberapa objektif pelaksanaan SWS iaitu :¹⁹

- a. Menghidupkan amalan wakaf di kalangan masyarakat.

Saham wakaf adalah satu alternatif cara berwakaf tradisi yang menggunakan harta yang berbentuk kekal seperti tanah, bangunan dan sebagainya. Wang yang diwakafkan juga akan digunakan untuk membiayai program untuk manfaat umum masyarakat Islam.

- b. Memperluaskan penyertaan masyarakat.

Pelaksanaan wakaf secara harta berbentuk kekal yang semakin tinggi nilainya seperti tanah, rumah dan bangunan hanya dapat disempurnakan oleh golongan yang kaya sahaja. Dengan adanya saham wakaf, penyertaan orang ramai dalam ibadah wakaf akan dapat lebih diperluaskan dan dipertingkatkan.

¹⁹ *Ibid.*, 11-12.

- c. Menjadikan wakaf sebagai dana kewangan umat Islam.

Dengan adanya saham wakaf, diharap masyarakat akan mengiktiraf wakaf sebagai satu instrument penyumbang kepada pembangunan ekonomi umat Islam. Hasil daripada kutipan saham wakaf akan disalurkan kepada program pembangunan umat Islam seperti pembinaan masjid, surau, sekolah agama, hospital, bantuan anak yatim dan pembangunan pelbagai projek komersial yang akan dibiayai melalui dana wakaf.

3.3.2 Prosedur Penyertaan SWS

Pihak MAIS melalui PWS juga telah menetapkan beberapa perkara prosedur bagi penyertaan SWS ini, iaitu²⁰:

- a. Pelaksanaan SWS adalah berdasarkan Seksyen 17, Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No.7, 1999. Sumbangan dalam SWS adalah dalam bentuk wakaf secara tunai (wang ringgit) dengan kadar minimum RM 10 (seunit) dan setiap penyertaan tidak dihadkan kadar maksimum.
- b. Setiap penyertaan adalah menggunakan borang yang disediakan dan setiap penyertaan akan menerima resit yang membolehkan penyumbang mendapatkan pengecualian daripada

²⁰ *Ibid.*, 12-13.

cukai pendapatan di Bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967, No. Rujukan : LHDN.01/35/42/51/1791.²¹

- c. Sebagai bukti penyertaan, pewakaf akan menerima sijil saham yang akan dihantar kepada pewakaf dalam tempoh 14 hari selepas tarikh penerimaan penyertaan.
- d. Orang ramai juga boleh menamakan pewakaf kepada individu tertentu, saudara-mara atau ahli keluarga yang meninggal dunia sebagai usaha jariah dari yang hidup kepada yang telah kembali menemui Allah s.w.t.

3.4 Strategi Meningkatkan SWS

Untuk meningkatkan kutipan SWS, MAIS melalui PWS menggariskan beberapa strategik ke arah mencapai tujuan dan matlamat tersebut. Antara strategik tersebut ialah:

3.4.1 Aktiviti-aktiviti Penyebaran Maklumat Berkaitan SWS

Pada tahun 2002 yang lalu, pelancaran secara besar-besaran SWS telah memberi alternatif baru khususnya kepada umat Islam untuk melaksanakan wakaf secara wakaf tunai dan hasilnya akan digunakan untuk pembangunan masyarakat Islam umumnya. Hasil dari itu, pelbagai usaha telah digerakkan bagi mengenal pasti serta merancang pembangunan wakaf antaranya ialah promosi penerangan dan kutipan bergerak, promosi jaringan kerja wakaf serta mengadakan Mesyuarat

²¹ Sumbangan derma dikecualikan daripada Cukai Pendapatan di bawah Seksyen 44(6) Akta Pendapatan 1967 No. Rujukan LHDN. 01/35/42/51/179-6-5621, No. Warta Kerajaan 14369 bertarikh 27.07.2004.

Jawatankuasa Pengurusan Wakaf MAIS untuk membincang bagi meningkatkan mutu pengurusan harta wakaf termasuklah berhubung saham wakaf di MAIS.²²

a. Promosi Program Penerangan Dan Kutipan Bergerak

Bagi menambah dan menggalakkan lagi penyertaan SWS, pelaksanaan dalam memperluaskan penyertaan saham wakaf bukan sahaja daripada risalah-risalah yang telah diedarkan, malahan turut mempromosi program penerangan saham wakaf dan membuka kaunter-kaunter penyertaan di masjid-masjid, pejabat-pejabat agama Islam daerah dan institusi-institusi kerajaan. Antara program-program tersebut juga ialah seperti forum perdana sempena Sambutan Bulan Wakaf Selangor, program taklimat SWS di pejabat-pejabat kerajaan seluruh negeri, pembukaan kaunter-kaunter penyertaan dan kaunter-kaunter bergerak, majlis makan malam dengan menyumbang melalui meja-meja yang ditawarkan dan lain-lain program yang dirasakan sesuai.²³

b. Promosi Pemantapan dan Jaringan Kerja Wakaf

Bagi melancarkan gerak kerja serta menambahkan penyertaan serta kutipan saham wakaf, beberapa jaringan kerja dengan badan-badan kerajaan, institusi-institusi pengajian tinggi serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO's) turut dilaksanakan. Hasrat MAIS adalah memberi pemahaman serta keyakinan kepada masyarakat terhadap keupayaan sebenar institusi wakaf sebagai penggerak ekonomi sekali gus memartabatkan pembangunan ummah. Antara jaringan kerja yang dilakukan ialah slot promosi SWS melalui radio IKIM, kerjasama MAIS bersama Kumpulan Perubatan Johor Sdn. Bhd. dalam mewujudkan Klinik Wakaf An-Nur, lawatan ke Majlis Agama Islam negeri-negeri, galakan potongan gaji RM 2 kepada

²² Majlis Agama Islam Selangor, *Laporan Tahunan 2006*, (Selangor: Majlis Agama Islam Selangor, 2006), 42-43.

²³ *Ibid.*

kakitangan kerajaan seperti yang telah diputuskan melalui Program Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah²⁴, mengadakan penerangan melalui kerjasama program bersama JAIS dan institusi masjid dan lain-lain program yang sesuai yang dapat membantu mencapai matlamat memberi penerangan berkaitan saham wakaf²⁵ (lihat Lampiran D, SWS dan media).

c. Perancangan Promosi Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Wakaf MAIS

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Wakaf MAIS juga banyak membantu dalam gerak kerja berkaitan penerangan SWS. Melalui mesyuarat ini telah dibincangkan secara khusus berkaitan bagaimana bentuk dan cadangan promosi SWS tang perlu dijalankan. Selain itu juga, pencapaian-pencapaian gerak kerja berkaitan promosi akan dibentangkan seterusnya mencadangkan ke arah penambahbaikan dan memperkuuhkan perkara berkaitan.²⁶

3.4.2 Kemudahan Kutipan SWS

Antara matlamat diwujudkan saham wakaf adalah bagi memudahkan masyarakat untuk melakukan wakaf. Oleh itu, MAIS melalui PWS telah menyediakan beberapa kemudahan untuk masyarakat melaksanakan saham wakaf tersebut, antaranya ialah²⁷:

a. Kaunter-kaunter SWS

²⁴ Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah adalah program berbentuk simposium atau konvensyen yang diadakan pada setiap tahun sempena sambutan ulang tahun kelahiran Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibn Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj.

²⁵ Majlis Agama Islam Selangor, *Laporan Tahunan 2006*.

²⁶ *Ibid.*

²⁷ Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), MAIS, "Saham Wakaf Selangor", (Pamplet), (Shah Alam : PWS, t.t)

MAIS menyediakan kaunter-kaunter ini di beberapa tempat seperti di Pejabat PWS di Shah Alam, di pejabat-pejabat agama Islam seluruh daerah Negeri Selangor, masjid-masjid terpilih pada setiap hari Jumaat dan lain-lain. Penyertaannya adalah dengan mengisi borang penyertaan SWS. Lihat contoh borang menyertai SWS di lampiran A.

b. Agen-agen penerangan dan kutipan

MAIS telah melantik dan memberi kebenaran kepada agen berdaftar bagi mengutip saham wakaf. Agen-agen yang telah dilantik oleh MAIS terdiri daripada agen persendirian dan agen korporat. Sebagai agen-agen yang telah dilantik oleh MAIS ini, mereka akan diberi upah sebanyak 6 peratus. Senarai agen-agen saham wakaf MAIS di lampiran B.

c. Skim Infaq (potongan gaji)

Potongan gaji kepada kakitangan kerajaan negeri, kakitangan persekutuan, kakitangan badan-badan berkanun, kakitangan anak-anak syarikat dan kakitangan swasta. Dengan cara mengisi borang potongan gaji yang boleh di muat turun melalui laman web MAIS. Lihat contoh borang menyertai SWS melalui potongan gaji di lampiran C.


d. Debit kepada akaun bank

Sehingga kini, MAIS telah membuat kerjasama dan mendapat bantuan daripada bank-bank tertentu seperti Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Bank Simpanan Nasional (BSN) dan yang terkini bersama Bank Muamalat (telah dilancarkan kerjasamanya dengan PWS oleh DYMM

Sultan Selangor pada 27 September 2012) untuk menjadi saluran kutipan saham wakaf. Pulangan kerjasama tersebut juga, pihak bank akan diberi sebanyak 6 peratus jumlah kutipan yang telah diterima dari pewakaf.

Dengan bermatlamatkan memberi kemudahan masyarakat berwakaf, MAIS telah berusaha untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kepada masyarakat untuk melaksanakan wakaf berbentuk tunai (saham wakaf) terutama ke arah usaha mengutip dan meningkatkan kutipan saham wakaf itu sendiri (lihat Rajah 3.3).

Rajah 3.2 : Kemudahan yang disediakan bagi kutipan SWS



Sumber : Ubahsuai dari Laman web Perbadanan Wakaf Selangor www.wakafselangor.gov.my, dicapai pada 26 Disember 2012.

3.4.3 Usaha-usaha Membangunkan Hasil Kutipan SWS

Setelah hasil kutipan SWS diperolehi, seterusnya tanggungjawab MAIS adalah membangunkan hasil kutipan saham wakaf bagi memastikan tujuan dan

hasrat pewakaf itu tercapai. Terdapat beberapa program dilakukan bagi membangunkan hasil kutipan tersebut. Pihak MAIS telah membahagikan program pembangunan saham wakaf ini kepada empat bahagian iaitu aktiviti ekonomi, aktiviti sosial, aktiviti pendidikan dan bantuan am²⁸(lihat Rajah 3.4).

Antara aktiviti ekonomi ke arah membangunkan hasil kutipan saham wakaf ialah seperti program pembangunan tanah wakaf, pembangunan projek komersial dan perniagaan, pembelian lot-lot harta tanah dan melaksanakan projek-projek perumahan. Contoh-contoh aktiviti ini ialah pembelian 1 unit kedai 3 tingkat di Seksyen 7, Shah Alam dan membeli 1 lot kedai di Bukit Jelutung.²⁹

Bagi aktiviti sosial pula, antara aktiviti yang dijalankan ialah bantuan kepada anak-anak yatim dan program-program pembangunan insan kepada pihak-pihak yang memerlukan terutama asnaf fakir dan miskin seperti program-program seminar dan bantuan kelengkapan pendidikan dan sebagainya.

Untuk aktiviti pendidikan, hasil kutipan saham wakaf digunakan adalah untuk pembinaan sekolah agama, universiti dan maahad-maahad tahniah khusus di Negeri Selangor seperti pembinaan Sekolah Rendah Agama Pulau Indah, Klang dan pembinaan Madrasah Tahfiz Miftahul Ulum di Hulu Langat.³⁰

Manakala untuk bantuan am, hasil kutipan telah digunakan untuk pembinaan masjid, surau dan kemudahan umum bagi masyarakat Islam. Selain itu, melalui bantuan am ini, peruntukan juga digunakan bagi penyelenggaraan bangunan institusi-institusi agama yang terdapat di Negeri Selangor yang memerlukan seperti


²⁸ Perbadanan Wakaf Selangor MAIS, *Saham Wakaf Saham Akhirat, Skim Infaq (Potongan Gaji) kakitangan Awam dan Swasta* (Pamflet), (Shah Alam: PWS, t.t).

²⁹ *Ibid.*

³⁰ *Ibid.*

pembinaan Masjid Tengku Kelana Jaya Petra, di Taman Bandaran Kelana Jaya, pembinaan semula Masjid An-Nur, kampung Kunci Air Buang, di Tanjung Karang dan wujudkan Perpustakaan Wakaf MAIS di Seksyen 3, Shah Alam.³¹

Rajah 3.3 – Aktiviti agihan kutipan SWS



Sumber : Ubahsuai dari Laman web Perbadanan Wakaf Selangor www.wakafselangor.gov.my, dicapai 26 Disember 2012.

Secara keseluruhannya, perancangan membangunkan hasil kutipan SWS ini telah disusun dengan baik oleh MAIS mengikut kesesuaian dan keperluan seterusnya bagi mencapai tujuan pewakaf melakukan wakaf berkonsepkan saham ini. Dengan perancangan dan penggunaan yang dikawal oleh MAIS ini telah memberi satu kepercayaan oleh masyarakat untuk terus berwakaf melalui MAIS dengan cara saham wakaf di Negeri Selangor (lihat gambar 3.1, gambar 3.2, gambar 3.3, gambar 3.4, gambar 3.5, gambar 3.6, gambar 3.7 dan gambar 3.8).

³¹ *Ibid.*

Gambar 3.1 - Pembangunan Hasil SWS Masjid Tengku Kelana Jaya Petra, Taman Bandaran Kelana Jaya dibina dengan kos RM8juta.



Sumber : Arkib, PWS.

Gambar 3.2 - Masjid An-Nur, Kampung Kunci Air Buang, Tanjong Karang telah dibina semula sebahagiannya dengan menggunakan dana Saham Wakaf Selangor berjumlah RM350,000.



Sumber : Arkib, PWS.

Gambar 3.3 - Sekolah Rendah Agama Pulau Indah, Klang dibina dengan kos RM2 juta.



Sumber : Arkib, PWS.

Gambar 3.4 - Cadangan membina Madrasah Tahfiz Miftahul Ulum, Jalan Kuari Sungai Long, Kampung Sungai Serai, Hulu Langat (dalam pembinaan).



Sumber : Arkib, PWS.

Gambar 3.5 - Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong, Shah Alam



Sumber : Arkib, PWS.

Gambar 3.6 - Perpustakaan Wakaf MAIS di Tingkat 1, Wisma MAIS, Seksyen 3, Shah Alam berjumlah RM350,000.



Sumber : Arkib, PWS.

Gambar 3.7 - Lot kedai di Space U8, Bukit Jelutong, Shah Alam dengan bernilai RM1.6juta.



Sumber : Arkib, PWS.

Gambar 3.8 - Lot kedai / pejabat di Seksyen 7, Shah Alam.



Sumber : Arkib, PWS.

3.5 Kesimpulan

Dengan tanggungjawab yang diberikan selaku pemegang amanah umat Islam di Negeri Selangor ini, MAIS melalui PWS dilihat mampu untuk menjalankan tugas tersebut dengan baik. Melalui kekuatan pengurusan yang ada pada MAIS amnya dan khususnya di PWS dilihat sebagai aset kepada kelancaran dan keberkesanan setiap tugas berkaitan dapat dilakukan. Buktinya SWS yang telah dilancarkan hampir 10 tahun yang lalu, kini masyarakat semakin memberi kepercayaan kepada MAIS sebagai agensi penerima wakaf yang diiktiraf dan dipercayai. Elemen-elemen pengurusan yang ada di MAIS dalam membantu urusan saham wakaf telah dapat digembleng dengan sewajarnya seterusnya mampu untuk melaksanakan tugas dalam pengurusan. Hasilnya melalui kutipan SWS, MAIS telah berjaya meningkatkan dana ekonomi seterusnya dapat menyumbang kepada usaha memelihara kebajikan umat Islam khususnya di Negeri Selangor umumnya.